

[FOTO AMIR IRSYAD OMAR/BH]



Ahmad Shabery meninjau ruang penyimpanan ikan tuna seberat 520 tan yang dibawa terus dari Lautan Hindi di Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, Butterworth, semalam.



Ahmad Shabery menunjukkan kepala ikan tuna.

Pulau Pinang hab pendaratan tuna

→ Kementerian bina pelbagai kemudahan majukan industri memproses ikan

Oleh Siti Sofia Md Nasir
siti.sofia@bh.com.my

► Butterworth

Pulau Pinang bakal menjadi hab pendaratan tuna utama negara, dengan pembinaan pelbagai kemudahan membabitkan industri ikan itu, pada tahun ini.

Menteri Pertanian dan Industri

Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, berkata selain persediaan pendaratan ikan tuna di Pelabuhan Pulau Pinang, kementerian turut membina pusat memproses ikan tuna di Bukit Minyak dekat Bukit Mertajam.

Bantu jana ekonomi

“Kita mahu industri ikan tuna menjadi satu industri terbaru, sekali gus membantu menjana

ekonomi negara dan memberi manfaat kepada rakyat Pulau Pinang.

“Selain, pendaratan dan pusat memproses tuna, kita juga bercadang untuk mewujudkan peluang latihan menangkap ikan tuna bersama-sama nelayan tempatan, selain menghasilkan produk makanan berkaitan ikan tuna,” katanya ketika ditemui pemberita selepas Majlis Pelancaran Penda-

ratan Ikan Tuna di sini, semalam. +

Yang turut hadir, Pengerusi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, Datuk Tan Teik Chang, dan Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Munir Mohd Nawi.

Terdahulu, Ahmad Shabery dan wakil media turut dibawa melawat ruang penyimpanan Kapal Kha Yang 333 yang mengandungi ikan tuna sebanyak 520 tan yang ditangkap di Lautan Hindi.